

# Anwar bidas golongan kritik dasar PM

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

KOTA BHARU, Jumaat — Encik Anwar Ibrahim menolak dakwaan setengah-setengah golongan yang menyatakan pembaharuan dan perubahan yang dibuat oleh kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah terlalu 'cepat'.

Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan itu berkata kendengaran suara-suara sumbang sekarang yang mengkritik kerajaan.

"Andaian mereka itu tidak tepat," tegas beliau waktu merasmikan kursus Polemas (politik, ekonomi, masyarakat dan agama) MAYC zon timur di sini petang semalam.

Encik Anwar berkata, sepatutnya setelah 26 tahun mederka, perubahan dan pembaharuan dalam semua aspek pentadbiran negara lebih dari apa yang sedang dilakukan.

"Tetapi, masih ada unsur-unsur negatif seperti rasuah berlaku. Unsur-unsur inilah yang hendak dihapuskan bagi kepentingan negara dan rakyat."

## Tak faham

Encik Anwar berkata beliau tidak faham dengan istilah 'cepat' yang dimaksudkan oleh pengkritik-pengkritik itu.

"Ini timbul kerana mereka biasa dengan keadaan yang selalu lambat dan bila bergerak cepat sedikit, mereka mula kelam-kabut.

"Kejayaan kepada pembaharuan dan perubahan itu adalah satu kemenangan dalam usaha kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir untuk membela nasib bangsa dan ummah.

"Kecuaian akan meruntuhkan perjuangan kita," ujarnya.

Mengenai perkembangan kebudayaan, menteri itu mengingatkan, kemajuan ekonomi dan teknologi tanpa nilai-

nilai moral belum dapat menjamin ketahanan bangsa dalam ekonomi, politik dan sosial.

"Ini dibuktikan oleh peristiwa di Barat hari ini. Tanpa kesedaran ini, boleh berlaku maksiat, keruntuhan moral dan kelunturan semangat."

Encik Anwar menyebutkan beberapa syarat yang perlu dimiliki oleh beliau jika mereka mahu dianggap sebagai agen penggerak pembangunan, pembaharuan dan meneruskan kepemimpinan negara.

Antaranya ialah ketahanan, kelmanan, pendirian, kepercayaan, keyakinan, kekuatan moral, akhlak dan disiplin yang luhur.

Katanya, sudah sampai masanya bagi Kementerian mengkaji semula tugas mendidik generasi muda dengan semangat yang teguh dan baik bagi menjamin amanah yang diberikan kepada mereka tidak dikhianati.

Encik Anwar menyatakan, ciri-ciri yang mahu dilihat dalam dasar Pandang ke Timur bukanlah bererti berkiblat ke Tokyo tetapi kesediaan rakyat, khususnya Bumiputera, untuk memahami ciri-ciri kebudayaan yang menyebabkan bangsa Jepun membangun dengan cepat.

"Kekaguman kita terhadap kemajuan Jepun dalam perindustrian dan teknologi tidak berfaedah melainkan kita bersedia untuk mentontohi nilai-nilai baik yang menyebabkan mereka pesat maju.

"Bangsa Jepun sangat menghormati dan memberi nilai yang tinggi kepada orang yang berkerja kuat. Inilah semangat di kalangan generasi muda Jepun, semangat ini juga yang kita harap ada pada generasi muda kita."

Hadir sama ialah naib presiden MAYC, Haji Rahim Bakar, dan pengerusi MAYC Kelantan, Encik Ahmad Rastom Maher.